

PERHOTELA BOLEH MAJU EKONOMI

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Berikut, disarikan sedutan ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed (ketika itu Timbalan Perdana Menteri), di upacara perasmian Seminar Persatuan Hotel dan Restoran Malaysia (MAHAR) di ITM Shah Alam, Selangor pada Khamis 27 November, 1980, jam 9.30 pagi, untuk pengetahuan dan munafat bersama.

PERHOTELAN adalah satu sektor yang penting kepada industri pelancongan dan sememangnya ialah persatuan seperti MAHAR ini patut menyediakan diri supaya dapat memainkan peranannya yang lebih positif dan bermakna lagi dalam pembangunan industri pelancongan, terutama sekali melalui usaha-usaha pengurusan dan pengendalian hotel masing-masing, mengikut cara dan piawaian yang dapat diterima dan yang diharapkan oleh pengguna-pengguna.

Seperti yang tu-tuan dan puan-puan sedia maklum, imej Malaysia sebagai satu destinasi menggambarkan semua aspek perkhidmatan dalam negeri dan tentulah ahli-ahli perhotelan tidak akan membenarkan mutu perkhidmatan mereka jauh ketinggalan oleh perkhidmatan lain.

Industri pelancongan boleh dijadikan alat yang kukuh untuk kemajuan ekonomi dan dalam konteks negara ini, bukan sahaja ia boleh meningkatkan jurang kemajuan pembangunan ekonomi di antara penduduk bandar dengan luar bandar, bahkan boleh juga membantu memperluaskan lagi sistem ekonomi negara.

"Perhotelan adalah satu sektor yang penting kepada industri pelancongan dan sememangnya ialah persatuan seperti MAHAR ini patut menyediakan diri supaya dapat memainkan peranannya yang lebih positif dan bermakna lagi dalam pembangunan industri pelancongan, terutama sekali melalui usaha-usaha pengurusan dan pengendalian hotel masing-masing, mengikut cara dan piawaian yang dapat diterima dan yang diharapkan oleh pengguna-pengguna."

— Datuk Seri
Dr. Mahathir



Malaysia, dari segi pelancongan antarabangsa, adalah destinasi yang jauh. Sambil kita mengadakan usaha-usaha pengalakan yang agresif di kawasan-kawasan pasaran tradisi Malaysia, seperti Jerman Barat, United Kingdom, U.S.A., Australia dan Jepun serta pasaran baru, seperti Timur Tengah, Spain, Italy dan Amerika Selatan, kita juga harus menumpukan perhatian kita kepada usaha-usaha pengalakan di kawasan-kawasan pasaran yang berdekatan.

Pasaran tempatan

kita juga, dari pandangan saya, boleh dimajukan sebagai satu sumber pasaran yang mustahak untuk industri pelancongan.

Dengan peringkat kadar tumbuhnya ekonomi kita sekarang dan jika keadaan ini berpanjangan ke tahun 80-an, sudah pasti banyak lagi antara penduduk negara ini yang akan menganggotai kumpulan pasaran yang mempunyai pendapatan yang berlebihan dan boleh menandingi mereka yang datang dari luar negeri.

patan membelanjakan tidak kurang dari \$250 juta untuk melancong di negara ini.

Angka ini bila dibandingkan dengan \$400 juta yang diperolehi oleh Malaysia dari penurakan wang asing hasil pelancongan tempatan pada tahun yang sama, kita tidak akan teragak-agrak lagi menyadari bahawa potensi pelancongan tempatan akan membawa kesan yang sihat kepada pembangunan industri pelancongan kita.

Selain dari itu, pelancongan tempatan kurang terlibat dengan turun naik harga-harga tambang dan pergolakan sosial dan politik. Dengan ini, kita dapat memahami betapa mustahak pelancongan tempatan ini dapat memainkan peranannya untuk menstabilkan keadaan erratic yang boleh diwujudkan oleh pelancongan antarabangsa.

Di negara-negara yang telah maju kita dapati bahawa di sana wujud pasaran pelancongan tempatan yang kukuh untuk membantu pelancongan antarabangsa, dan ke arah inilah patut kita menggerakkan lagi usaha kita dalam tahun 80-an.

Satu perkara yang pada fikiran saya boleh membantu pembangunan pelancongan di negara ini ialah pengeluaran tenaga-tenaga mahir untuk industri ini.

Saya dapati dalam kebanyakan sektor industri pelancongan, bilangan tenaga mahir amatlah berkurangan jika dibandingkan dengan bilangan keperluan-perluhan tenaga terasbut. Ini adalah satu perkara yang mustahak kerana pencapaian atau kemerosotan sesuatu industri itu bergantung kuat kepada mutu perkhidmatan yang dapat diperolehi daripada pelancongan-pelancongan.

Menurut angka-angka yang disediakan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan tempatan pada tahun 1977, pelancongan-pelancongan tem-